

28 SEP 2001

Samy-Universiti

KERAJAAN PUSAT BERI RM50 JUTA UNTUK AIMST, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM50 juta kepada MIC sebagai bantuan untuk merealisasikan penubuhan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) di Sungai Petani, Kedah.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau telah menerima surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan berhubung perkara itu semalam.

Katanya, MIC setakat ini telah mengumpul sebanyak RM5 juta hasil sumbangan derma masyarakat India dan kaum-kaum lain melalui kempen kutipan derma yang dijalankan oleh parti itu. Kempen itu akan berakhir September 2002.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan RM50 juta bantuan kepada universiti kita iaitu AIMST. Inilah satu sumbangan besar yang kita terima daripada kerajaan bagi pihak kaum India," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat MIC di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata institut bertaraf universiti itu akan menampung pelajar berbilang bangsa.

Samy berkata kos pembinaan kampus AIMST yang pada mulanya dianggarkan berjumlah RM456 juta telah dikurangkan kepada RM400 juta.

Beliau berkata penjimatan kos itu ekoran perubahan struktur bangunan AIMST daripada konkrit kepada besi dan bangunan asrama pula dibina secara pasang siap.

Pembinaan AIMST akan bermula bulan depan dan dijangka siap pada Disember 2002 dan kumpulan pertama pelajar dijangka memulakan pengajian pada awal 2003.

Sementara itu, Samy juga mengumumkan bahawa kerajaan pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.7 juta kepada Yayasan Strategik Sosial (YSS) bagi tempoh 2001 hingga 2002.

Katanya, peruntukan itu akan membolehkan badan naungan MIC itu menjalankan kajian mengenai masalah sosial di negara ini termasuk menganjurkan 200 program dan kempen untuk golongan remaja bermasalah.

-- BERNAMA

SLR KHY MOZ